



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

13 Mac 2026 / 23 Ramadan 1447H

Lailatulqadar – Memohon Takdir yang Lebih Baik

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِلْإِسْلَامِ، وَوَفَّقَنَا لِإِتْرَاكِ شَهْرِ الصَّيَامِ وَالْقِيَامِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
سَيِّدُ الْأَنْبِيَاءِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ مَنْ صَلَّى وَصَامَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْكَرَامِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ جَلَّ
فِي عُلَاهُ: لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa. Laksanakan segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan ketakwaan kita pada hari ini menjadi sumber ketenangan bagi kita ketika berdiri di hadapan-Nya di hari kemudian. Amin ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sepuluh malam terakhir Ramadan kini telah menjelma. Sebagai Muslim, kita percaya bahawa ini adalah masa yang utama bagi

kita untuk mengejar satu malam istimewa, satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, iaitu **Lailatulqadar**.

Dalam sepotong hadis riwayat Imam Muslim, dijelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. bersungguh-sungguh (melakukan ketaatan dan mengejar pahala) pada penghujung Ramadan ini berbanding dengan masa yang lain. Tidakkah ini sewajarnya menjantik semangat yang sama dalam diri kita?

Allah s.w.t. juga telah berfirman dalam Surah Ad-Dukhan ayat 4:

فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾

Yang bermaksud: “*Pada malam itu (**Lailatulqadar**), dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah.*”

Saudara, menurut ahli tafsir seperti Imam Ibn Kathir, ia bererti bahawa malam **Lailatulqadar** adalah masanya setiap rezeki, ujian dan setiap peristiwa bagi tahun yang akan datang ditentukan dan ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Saudara yang dikasihi Allah,

Jelas sekali, seorang Mukmin tidak sesekali akan memandang remeh terhadap keutamaan **Lailatulqadar**. Terutama sekali, dengan kesedaran bahawa Allah menentukan **takdir**-Nya bagi kita pada malam penuh berkat ini. Persoalannya, apakah yang harus kita lakukan?

Jawapannya boleh kita kaitkan dengan sabda Rasulullah s.a.w. dalam sepotong hadis yang bermaksud: *“Tiada sesuatu yang dapat menolak **takdir** melainkan **doa**.”* (Riwayat Ibn Majah)

Oleh itu, gunakanlah malam-malam yang berbaki daripada bulan Ramadan ini untuk memperbanyakkan **berdoa** dengan keikhlasan hati. Dan pastinya terdapat banyak **doa** yang boleh kita panjatkan. Di sini, khatib ingin mengusulkan dua perkara yang wajar kita mohon kepada Allah s.w.t. pada masa ini:

Pertama: Kekuatan menghadapi ujian dengan cara yang diredai Allah

Kita memahami bahawa kehidupan ini adalah ujian, dan kita memohon agar setiap ujian yang Allah tetapkan disertai dengan kesabaran, kekuatan dan keakraban kepada-Nya.

Kedua: Kehidupan yang dipenuhi ketaatan dan keampunan

Jika Allah memanjangkan usia, kita memohon agar ia dipenuhi ketaatan, peluang untuk terus bertaubat dan bertemu Ramadan lagi; dan jika ajal mendahului, kita memohon pengakhiran yang baik (*husnul khatimah*) dalam keadaan diredai Allah.

Saudara,

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Sesiapa yang menghidupkan malam al-Qadr dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran Allah, diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu.”* (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Jika diberikan kesempatan, kita semua akan bertemu **Lailatulqadar** dalam keadaan yang berbeza-beza. Ada yang dapat meluangkan masa sepenuhnya, beriktikaf di masjid atau menghidupkan sepanjang malam dengan solat dan Al-Quran.

Namun pastinya, ada di kalangan kita yang berhadapan cabaran yang berbeza. Ada yang bertugas di waktu malam, ada yang berjaga menguruskan anak kecil atau orang tua, ada juga yang perlu berehat sebelum bertugas atau bersekolah pada keesokan harinya.

Janganlah hanya kerana kita tidak mengecap kesemuanya, kita tinggalkan kesemuanya. Carilah peluang kecil untuk kita solat berjemaah, berzikir, membaca atau mendengar alunan bacaan Al-Quran. Niatkan setiap perkara yang kita lakukan untuk mendapatkan keredaan Allah. Dengan diiringi **doa-doa** yang kita panjatkan, semoga **Lailatulqadar** berjaya meninggalkan kesan pada diri dan perhitungan amalan kita.

Saudara yang dirahmati Allah,

Dalam kita menumpukan perhatian dan tenaga meraih pahala pada penghujung bulan Ramadan, usahlah kita menyibukkan diri kita dengan perkara yang sia-sia atau yang boleh menimbulkan keraguan. Antaranya, perbalahan yang boleh membawa kepada perpecahan dan kekeliruan, seperti spekulasi berkaitan isu rukyah dan penetapan awal bulan Hijri, yang mungkin boleh sahaja berlaku perbezaan di antara satu daerah

dengan daerah atau negara yang lain. Fikirkanlah kesan negatif yang terhasil dari perdebatan sedemikian, apatah lagi jika ianya tidak berasaskan ilmu pengetahuan yang sahih. Jelas perbalahan sebegini bukan sahaja tidak sepatutnya berlaku, bahkan ia boleh menjejaskan pahala puasa kita.

Perbezaan sebegini bukanlah isu baharu. Ia telah wujud sejak zaman para sahabat Nabi s.a.w. Ia adalah perbezaan yang dibenarkan dalam Islam sekiranya ia didasari ijtihad oleh ulama dan golongan pakar falak syar'i. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi kita untuk berbalah dan tuduh-menuduh, mencemuh dan menimbulkan keraguan. Sikap yang tepat dan bersesuaian dengan ajaran Islam adalah dengan merujuk dan menyerahkannya kepada pakar dan kepimpinan agama yang berwibawa.

Semoga Allah s.w.t. membersihkan hati kita, memelihara pahala amalan kita, dan memberikan kita semua ketenangan serta peluang meraih **Lailatulqadar**.

اللَّهُمَّ بَلِّغْنَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ، وَاجْعَلْ لَنَا فِيهَا أَوْفَرَ الْحِظِّ وَالنَّصِيبِ مِنْ رَحْمَتِكَ
وَمَغْفِرَتِكَ، وَاجْعَلْهَا لَنَا لَيْلَةَ قَبُولِ وَعْتِقِ مِنَ النَّارِ، وَغُفْرَانِ لِلذُّنُوبِ، وَفَوْزٍ
بِالْجَنَّةِ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَزِيرِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ